

12 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (PM)

MAHATHIR TIDAK AKAN DIPANGGIL SEBAGAI SAKSI DALAM PERBICARAAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa pihak pembelaan dalam perbicaraan rasuah beliau tidak akan memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dua lagi menteri kabinet sebagai saksi mereka.

Ketua peguam bela Raja Aziz Addruse berkata pembelaan juga tidak bercadang memanggil bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Dua menteri itu ialah Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Raja Aziz memberitahu mahkamah bahawa Dr Mahathir membayangkan beliau tidak bersedia memberikan kenyataan bertandatangan kecuali beliau tahu terlebih dahulu soalan-soalan yang mereka mahu tanyakan dan topik-topik yang keterangan akan diambil.

"Kami kemudian menghantar satu senarai soalan. Setiuasaha peribadinya telah membayangkan beliau (Mahathir) tidak akan memberikan kami kenyataan yang bertandatangan," katanya.

Katanya tanpa kenyataan bertandatangan itu, mereka tidak mungkin akan memanggil Dr Mahathir kerana tidak tahu apa keterangan yang akan didapatkan daripada beliau.

Hakim perbicaraan Datuk S. Augustine Paul berkata: "Saya rasa beliau betul. Mana-mana saksi tidak diwajibkan untuk memberi kenyataan yang bertandatangan."

Katanya adalah menjadi hak saksi dari segi undang-undang sama ada mahu memberikan kenyataan bertandatangan.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan rasuah dengan menyalahgunakan kedudukannya untuk campurtangan mengenai dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan itu didakwa mengikut seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya jika disabitkan.

Raja Aziz juga memberitahu mahkamah bahawa mereka telah menemuduga Megat Junid dan mendapati "beliau tidak mempunyai apa-apa yang boleh menyumbang kepada perbicaraan itu kerana perintah Yang Arif mengenai konspirasi politik."

Peguam itu tidak memberitahu mahkamah kenapa Daim dan Rahim tidak akan dipanggil.

Tetapi semasa ditemui di luar mahkamah, Raja Aziz memberitahu pemberita bahawa mereka tidak akan memanggil Daim atas alasan yang sama seperti Megat Junid sementara Rahim enggan memberikan kenyataan yang bertandatangan.

Pada 13 Jan, pembelaan memberitahu mahkamah bahawa mereka bercadang memanggil Dr Mahathir dan dua menteri kabinet bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai saksi mereka.

Saksi-saksi lain yang mereka cadang akan dipanggil ialah Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (setiausaha politik PM), Datuk Ismail Che Ros (bekas pengarah Jabatan Siasatan Jenayah) dan Abdul Khalid alias Khalid Jafri Bakar Shah (penulis buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM").

Terdahulu Hakim Augustine Paul membenarkan permohonan pembelaan untuk memanggil semula tiga saksi pendakwaan.

Mereka merupakan saksi pertama pendakwaan Datuk Mohamed Said Awang (bekas pengarah Cawangan khas), saksi ke-11 Datuk Amir Junus (bekas

timbangan pengarah Cawangan Khas) dan SAC 1 Musa Hassan (pegawai penyiasat).

Peguam Gurbachan Singh memberitahu mahkamah bahawa mereka mahu memanggil semula Mohamed Said untuk menyoal beliau mengenai keterangan Mohamed Azmin Ali (bekas setiausaha sulit Anwar) tentang perbualan mereka berhubung apa yang didakwa satu laporan kedua.

Pembelaan mendakwa bahawa terdapat satu laporan kedua bertarikh 3 Sept 1997 yang dihantar kepada perdana menteri mengandungi nama-nama personaliti tertentu yang terlibat dalam konspirasi politik untuk menjatuhkan Anwar.

Gurbachan Singh berkata pembelaan mahu menaggil semula Amir bagi tujuan menanyakan beliau berhubung perbualan antara beliau dan ASP Zull Aznam Haron (bekas pegawai pengiring Anwar) pada 18 Ogos 1997 dan keterangan Mohamed Azmin berhubung permintaannya mendapatkan bantuan bekas setiausaha sulit itu untuk memastikan Anwar merasmikan Heartscan Bhd yang sebelum ini merupakan perkara yang di luar pengetahuan pembelaan.

Peguam itu memberitahu mahkamah bahawa mereka mahu memanggil semula Musa untuk meminta beliau mengeluarkan salinan afidavitnya bertarikh 2 Sept 1998 yang difailkan di Mahkamah Tinggi dalam kes Datuk S. Nallakaruppan.

Timbalan Kanan Pendakwa raya Datuk Abdul Gani Patail semasa membantah permohonan itu berkata Musa telah ditanya mengenai afidavit itu dan telah diminta membawa dokumen berkenaan tetapi pembela tidak berbuat demikian keesokannya.

Katanya dokumen itu juga tidak relevan dengan tuduhan di hadapan mahkamah.

Hakim Augustine Paul semasa membenarkan permohonan itu berkata pemeriksaan itu harus dihadkan kepada apa yang telah diberitahu di mahkamah.

Pada prosiding hari ini, pembelaan juga berhujah mengenai kaitan cadangan keterangan daripada lima saksi dan sebahagian keterangan Azmin dalam perbicaraan itu.

Hakim Augustine Paul telah mengarahkan pembelaan mendedahkan keterangan yang didapatkan daripada saksi-saksi bagi mahkamah membuat keputusan mengenai kaitannya kerana mahkamah mempunyai kuasa berbuat demikian di bawah Seksyen 136 Akta Keterangan 1950.

Pembelaan mahu mendapatkan keterangan daripada Manjeet Singh Dhillon (peguam Datuk Nallakaruppan), Sukma Darmawan Sasmitaat Madja (adik angkat Anwar), Dr Munawar Ahmad Anees (bekas penulis ucapan Anwar), Nallakaruppan (bekas rakan tenis Anwar) dan Mior Abdul Razak Yahya (pereka fesyen).

Dalam penghujahannya, peguam Sulaiman Abdullah berkata keterangan daripada saksi-saksi perlu didapatkan untuk membuktikan terdapat keterangan yang direka bagi menunjukkan salah laku Anwar.

"Pembelaan mahu membuktikan pelbagai langkah yang diambil oleh beberapa pihak berkuasa untuk mengadakan pemalsuan keterangan itu bagi memerangkap tertuduh," katanya.

Katanya keterangan pembelaan harus dipandang dari segi yang berbeza daripada keterangan pendakwaan kerana beban yang ditanggung mereka.

Peguam itu berkata tujuan utama Anwar didakwa ialah beberapa orang yang berkuasa mahu menyingkirkannya dari kedudukan beliau sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan.

Beliau menegaskan bahawa proses untuk menyingkirkan Anwar ialah dalam dua peringkat, bermula pada Ogos 1997 yang tercetus daripada satu usaha oleh beberapa orang yang berkuasa menggunakan Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar untuk mencipta tuduhan palsu mengenai salah laku seks dan liwat terhadap Anwar.

Ummi Hafilda merupakan penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada perdana menteri dan disertakan dengan kenyataan bersumpah Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, yang mendakwa beliau telah diliwat Anwar.

Sulaiman menegaskan bahawa rancangan itu tidak membuahkan hasil memandangkan ia mendapat perhatian Ketua Polis Negara dan para pegawai kanan Cawangan Khas yang kemudian meneruskan siasatan sendiri demi kepentingan keselamatan negara.

Beliau berkata polis memberitahu timbalan perdana menteri ketika itu dan perdana menteri mengenai cubaan berkenaan dan akhirnya pada 1997 Dr Mahathir mengeluarkan satu kenyataan menolak dakwaan-dakwaan itu.

Peguam itu berkata peringkat kedua untuk menjatuhkan Anwar berlaku tahun lepas berpunca daripada pertikaian dasar dan membuatkan dakwaan pada 1997 dihidupkan semula dan satu penjelasan perlu diberikan tentang kenapa polis, Ummi Hafilda dan Azizan berbuat apa yang mereka lakukan lewat Ogos 1997.

"Cara paling mudah untuk menjelaskan ini ialah dengan berkata Datuk Seri Anwar mengarahkan polis untuk mendapatkan penarikan balik dakwaan itu," katanya.

Sebelum prosiding ditangguhkan, Hakim Augustine Paul memberitahu mahkamah bahawa perbicaraan itu akan disambung esok tetapi selepas menimbangkan permintaan Sulaiman bagi perbicaraan itu disambung pada Isnin kerana Sabtu merupakan satu-satunya hari rehat mereka, hakim bersetuju.

Perbicaraan disambung pada Isnin.

-- BERNAMA

NHD AHH RON